

KUALA LUMPUR, 13 FEB. (BERNAMA) -- KERAJAAN HARI INI DIMINTA JANGAN MERAHSIAKAN SANGAT CADANGAN CUKAI TIAP-TIAP TAHUN DEMI KEPENTINGAN KEMAJUAN EKONOMI SELURUHNYA.

SENATOR DR. MAHATHIR MOHAMED, KETIKA MEMBUAT SYOR ITU DI DEWAN NEGARA, BERKATA SEBALIKNYA CADANGAN CUKAI BARU DAN KENAIKAN CUKAI LAMA HENDAKLAH DIBAYANGKAN KEPADA RAKYAT SEBELUM TARIKH KUATKUASA CUKAI TERSEBUT.

INI AKAN MEMBOLEHKAN ORANGRAMAI MEMBINCANG DAN MENYUARKAN PENDAPAT MEREKA BAGI PERBENDAHARAAN MERANCANG DENGAN LEBIH BAIK CADANGAN CUKAI.

KALAU BOLEH, KATANYA, KERAJAAN HENDAKLAH MEMBUAT JADUAL KENAIKAN CUKAI SELAMA LIMA TAHUN SUPAYA PENGUSAHA-PENGUSAHA DAPAT MERANCANG PERNIAGAAN MEREKA ATAU Mencari Punca Baru bagi Menampung Kenaikan Cukai.

DR. MAHATHIR BERUCAP DALAM DEBAT PERBELANJAAN PEMBANGUNAN YANG DISAMBUNG SEMULA DI DEWAN NEGARA. --- BERSAMBUNG-1822/YF

NEGARA-DEBAT 2 KUALA LUMPUR 金'金'金'

BELIAU BERKATA, JIKA RAKYAT DAN PENIAGA MENGETAHUI CUKAI ATAS BUAH-BUAHAN YANG DIIMPOT AKAN DINAikkan DALAM MASA LIMA TAHUN, PENGIMPOT-PENGIMPOT BOLEH Mencari Nafkah dengan Cara Lain dan Memberi Masa kepada Penanam Buah-Buahan untuk Memenuhi Keperluan dalam Negeri.

KATANYA, KENAIKAN CUKAI KEATAS BUAH-BUAHAN YANG DIIMPOT TELAH Menyebabkan Kekurangan Buah-Buahan di Pasaran.

SENATOR DR. MAHATHIR BERKATA, KEUNTONGAN YANG DIDAPATI OLEH PENIAGA-PENIAGA SEBELUM KENAIKAN CUKAI DIKUAT KUASAKAN ADALAH TERHAD.

JIKA PENGUSAHA-PENGUSAHA DAPAT MERANCANG PERNIAGAAN MEREKA SEBELUM KENAIKAN CUKAI, MEREKA TIDAK AKAN RUGI DAN KERAJAAN PULA AKAN UNTONG DARI CUKAI PENDAPATAN DAN CUKAI SYARIKAT.

BELIAU MEMINTA KERAJAAN JANGAN MEMBIASAKAN MENAikkan CUKAI TIAP-TIAP TAHUN KERANA INI AKAN MENAikkan Sara Hidup di Negeri ini.

INI JUGA AKAN MEMBERI KESAN BUROK TERHADAP USAHA MENGEKSPOT BARANG-BARANG BUATAN TEMPATAN. -BERSAMBUNG

NEGARA-DEBAT 3 KUALA LUMPUR 金'金'金'

SENATOR DR. MAHATHIR BERPENDAPAT ADALAH LEBIH BAIK BAGI KERAJAAN MEMAJUKAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN YANG AKAN MENAMBAH PENDAPATAN NEGARA.

KENAIKAN CUKAI JUGA AKAN MEMBERI ALASAN BAGI PEKERJA-PEKERJA MEMINTA GAJI LEBIH TINGGI.

MALAYSIA BOLEH DIKATAKAN MEMBAYAR GAJI YANG PALING TINGGI DI ASIA TENGGARA DISAMPING SINGAPURA.

INI AKAN MEMBERI KESAN YANG TIDAK BAIK KEPADA KEMAMPUAN PENGELUARAN KILANG-KILANG, TAMBAHNYA. --- BERSAMBUNG

NEGARA-DEBAT 4 KUALA LUMPUR 金金金

SENATOR SHAARI JUSOH KETIKA MENYAMBUNG UCAPANNYA YANG DITANGGUHKAN KELMARIN MAHU SEKOLAH-SEKOLAH DI LUAR BANDAR DI-BEKALKAN DENGAN RADIO BAGI MENGIKUTI SIARAN KE SEKOLAH-SEKOLAH.

BELIAU JUGA MEMINTA KERAJAAN MENIMBANGKAN SUPAYA ELAUN BAGI PENYELIA-PENYELIA DAN GURU-GURU KELAS KEMAJUAN MASYARAKAT DINAikkan.

SENATOR DASIMAH DASIR BERKATA KEMENTERIAN KEBAJIKAN 'AM TELAH MENDAPAT PERUNTUKAN BERJUMLAH KIRA-KIRA \$12 JUTA TAHUN INI.

OLEH ITU LEBIH BANYAK RUMAH ORANG-ORANG TUA DAN MISKIN HENDAKLAH DIDIRIKAN SUPAYA MEREKA TIDAK TERLANTAR DI TEPI-TEPI JALAN.

BELIAU JUGA MENGESYORKAN PERUNTUKAN BAGI MEMBELI BUKU-BUKU UNTUK MURID-MURID MISKIN DIBERI KEPADA KERAJAAN NEGERI.

SENATOR DATUK MANSOR MAHMUD PULA KESAL KERANA TRENGGANU TIDAK MENDAPAT PROJEK-PROJEK BESAR YANG DILANCARKAN OLEH KERAJAAN, UMPAMANYA PROJEK PELABUHAN DI KUANTAN DAN PROJEK LEBOH RAYA TIMOR-BARAT. -BERSAMBUNG 1855/MM

NEGARA-DEBAT 5 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP KERAJAAN AKAN MENKKAJI MASAALAH INI DAN MENENTUKAN SUPAYA SEMUA NEGERI DAPAT KEMAJUAN SAMA RATA.

SENATOR DATUK MANSOR MENEGOR SETENGAH-TENGAH PEGAWAI KERAJAAN KERANA TIDAK DEDIKASI SAPERTI YANG DIKEHENDAKI OLEH PEMBANGUNAN NEGARA.

MENGENAI KEKURANGAN BUKU-BUKU TEKS BARU-BARU INI, BELIAU BERKATA INI ADALAH KERANA KECUALIAN GURU-GURU. SUNGGUH PUN SENARAI BUKU-BUKU DIKELUARKAN OLEH BIRO BUKU-BUKU TEKS DI KEMENTERIAN PELAJARAN DIKELUARKAN PADA BULAN OKTOBER, SEKOLAH-SEKOLAH DI TRENGGANU HANYA MENETAPKAN SENARAI MEREKA PADA BULAN DISEMBER.

BELIAU MAHU KEMENTERIAN PELAJARAN MEMBERI ARAHAN KEPADA GURU-GURU BESAR MENGELUARKAN SENARAI BUKU-BUKU TEKS SELEWAT-LEWATNYA BULAN OKTOBER SUPAYA PENERBIT ADA MASA DUA BULAN UNTUK MENYEDIAKAN BUKU-BUKU YANG DIPERLUKAN.

SENATOR DATUK MANSOR JUGA MENARIK PERHATIAN DEWAN MENGENAI MASAALAH KEKURANGAN KAIN PUTEH YANG DIHADAPI OLEH PENGUSAHA-PENGUSAHA BATEK PANTAI TIMOR.

KATANYA, SYARIKAT KAIN PUTEH KIMA TELAH GAGAL MEMBEKALKAN KAIN-KAIN PUTEH YANG DIPERLUKAN OLEH PENGUSAHA-PENGUSAHA ITU. -BERSAMBUNG 1920/MM

NEGARA-DEBAT 6 KUALA LUMPUR

SENATOR ABDUL SAMAD BIN OSMAN TELAH MENGGESA KERAJAAN MENJALANKAN RANCANGAN-RANCANGAN MENANAM MSEMULA HUTAN BAGI MENJAMIN BEKALAN KAYU BALAK DI MASA AKAN DATANG.

KATANYA, KERJA-KERJA MENGELUARKAN KAYU BALAK YANG BANYAK DIJALANKAN DI HUTAN-HUTAN AKAN MENIMBULKAN KEKURANGAN BEKALAN KAYU DI MASA AKAN DATANG DI SAMPING MENYEBABKAN BERLAKUNYA KAKISAN TANAH DAN KEJADIAN BANJIR.

BELIAU MENYOKONG SERUAN YANG DIBUAT OLEH SEORANG SENATOR LAIN SUPAYA ELAUN-ELAUN BAGI SENATOR-SENATOR DAN ANGGOTA-- (95-0-4)8.3, DITAMBAH.

SENATOR ABDUL SAMAD BERKATA, SENATOR-SENATOR DAN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN HANYA BOLEH MENJALANKAN TUGAS DENGAN CEKAP TANPA SEBARANG KESULITAN WANG.

BELIAU MENYEBUT TENTANG ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN YANG BERTUGAS SEPENUH MASA DAN MEREKA YANG HANYA BERTUGAS SAMBILAN DAN MEMPUNYAI PULA PEKERJAAN-PEKERJAAN LAIN.-
BERSAMBUNG 1945/MM

647:

NEGARA-DEBAT 7 KUALA LUMPUR

SENATOR CHUA CHIN CHENG TELAH MEMINTA KERAJAAN MEMBERI PERHATIAN TERHADAP PENGENDALIAN SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TERUTAMA DI KAWASAN-KAWASAN LUARBANDAR YANG BANYAK KETINGGALAN DIBIDANG KEMAJUAN.

BELIAU MENYEBUT TENTANG KEKURANGAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN DI KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR DAN MENERANGKAN BAHAWA KADAR YURAN SEKOLAH YANG TINGGI TELAH MENYEBABKAN BERLAKUNYA MASALAH KECICIRAN.

SENATOR CHUA JUGA MENCADANGKAN SUPAYA KERAJAAN MENGADAKAN UNDANG-UNDANG BAGI MENGHALANG PENJUALAN SAHAM-SAHAM YANG DIPEGANG OLEH RAKYAT MALAYSIA KEPADA ORANG-ORANG ASING DAN BUMIPUTRA KEPADA RAKYAT BUKAN BUMIPUTRA.

SENATOR DATUK NIK HASSAN BIN YAHAYA BERKATA KERAJAAN PERLU MENINJAU KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA YANG SEKARANG MASUK KE TAHUN YANG KETIGA.

DEWAN NEGARA TELAH DITANGGUHKAN HINGGA ESOK.-BERNAMA 1950/MM